

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status projek pembinaan dan membaik pulih benteng pemecah ombak di Kuala Besut melalui pelaksanaan projek Gerbang Pelancongan Antarabangsa Besut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Di bawah RMKe-10, Kerajaan telah meluluskan Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut, Terengganu untuk dilaksanakan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan siling kos projek sebanyak RM238 juta.

2. Projek ini lewat jadual di mana status pelaksanaan kerja-kerja fizikal di tapak adalah sebanyak 64% berbanding jadual sebenar 85%. KASA melalui JPS sedang memantau rapi projek ini dan akan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh pelanjutan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.